



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/011/02 (HQ)

TNB SUMBANG KENDERAAN KEPADA NGO

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyumbang enam kenderaan terpakai yang telah diubah suai kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan dan kelab, menjadikan sejumlah 18 kenderaan diserahkan sepanjang tahun ini.

Sumbangan dua kenderaan pacuan empat roda (4X4), tiga van jenazah dan sebuah van penumpang adalah selari dengan peranan TNB sebagai sebuah syarikat prihatin dan mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Ia juga merupakan sebahagian daripada Tanggungjawab Korporat (CR) TNB dan diyakini akan dapat memudah dan melancarkan urusan harian NGO, persatuan dan kelab yang berkaitan.

Penyerahan kenderaan berkenaan disampaikan oleh Chief Corporate Officer TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman, minggu lalu. Turut hadir, Ketua Fleet Management TNB, Datuk S. Viswanathan dan wakil NGO, persatuan dan kelab terlibat.

Penerima van jenazah dan van penumpang adalah Kariah Masjid Nur Taqwa Kg. Tandop, Baling, Kedah; Kariah Masjid Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan; Kariah Masjid Al-Ansar Taman Keramat, Kuala Lumpur dan Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kg. Sungai Timun, Rembau, Negeri Sembilan.

Sementara itu, Persatuan Bomba Sukarela Malaysia (MVFRA) dan Kelab Rekreasi dan Kebajikan Jabatan Pertahanan Awam masing-masing menerima kenderaan 4X4.

TNB berharap sumbangan kenderaan ini akan memudahkan penerima menjalankan aktiviti masing-masing demi manfaat setiap ahli.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Januari 2019, jam 11.00 pagi

*Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*